



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

AHAD, 3 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>FATIMAH PRAISES SIBU'S AGAPE CENTRE FOR PROVIDING FACILITIES, TRAINING TO SPECIAL NEEDS FOLKS</b>	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/12/02/fatimah-praises-sibus-agape-centre-for-providing-facilities-training-to-special-needs-folks/">https://www.theborneopost.com/2023/12/02/fatimah-praises-sibus-agape-centre-for-providing-facilities-training-to-special-needs-folks/</a>	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>DISABLED STUDENT HELD IN KEPALA BATAS MOLEST PROBE, SAY POLICE</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/02/disabled-student-held-in-kepala-batas-molest-probe-say-police#:~:text=%22The%20principal%20lodged%20a%20police,student%20in%20the%20school's%20dormitory.">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/02/disabled-student-held-in-kepala-batas-molest-probe-say-police#:~:text=%22The%20principal%20lodged%20a%20police,student%20in%20the%20school's%20dormitory.</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/02/disabled-teen-nabbed-for-molesting-14-schoolmates/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/02/disabled-teen-nabbed-for-molesting-14-schoolmates/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/disabled-student-held-in-molest-probe-police-NK11820782">https://thesun.my/local_news/disabled-student-held-in-molest-probe-police-NK11820782</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2250436">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2250436</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/637766/berita/semasa/pelajar-tingkatan-satu-ditahan-cabul-14-rakan-oku">https://www.sinarharian.com.my/article/637766/berita/semasa/pelajar-tingkatan-satu-ditahan-cabul-14-rakan-oku</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pelajar-oku-ditahan-cabul-14-rakan-oku-lain-di-asrama-sekolah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pelajar-oku-ditahan-cabul-14-rakan-oku-lain-di-asrama-sekolah/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/02/pelajar-oku-ditahan-cabul-14-rakan-sekolah/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/02/pelajar-oku-ditahan-cabul-14-rakan-sekolah/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036516/14-pelajar-oku-lelaki-dicabul-rakan-di-asrama">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036516/14-pelajar-oku-lelaki-dicabul-rakan-di-asrama</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1184470/14-pelajar-lelaki-oku-dicabul-rakan-senasib-di-asrama-sekolah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1184470/14-pelajar-lelaki-oku-dicabul-rakan-senasib-di-asrama-sekolah</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=NpREE5lRe98">https://www.youtube.com/watch?v=NpREE5lRe98</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=CG8L6cDLHQ8">https://www.youtube.com/watch?v=CG8L6cDLHQ8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/02/pelajar-ditahan-cabul-14-rakan-oku-di-asrama/">https://malaysiagazette.com/2023/12/02/pelajar-ditahan-cabul-14-rakan-oku-di-asrama/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://selangorkini.my/2023/12/remaja-tingkatan-satu-ditahan-cabul-14-pelajar-lelaki-oku/">https://selangorkini.my/2023/12/remaja-tingkatan-satu-ditahan-cabul-14-pelajar-lelaki-oku/</a>	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

3/12/2023

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250434>

BERNAMA.COM

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/02/pelajar-ditahan-cabul-14-rakan-oku-di-asrama/>

FREEMALAYSIATODAY.COM

<https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pelajar-13-tahun-cabul-14-rakan-oku>

BERITA.RTM.GOV.MY

<https://tvstv.my/2023/12/02/remaja-13-tahun-ditahan-cabul-14-pelajar-lelaki-oku/>

TVSTV.MY

<https://malaysiatribune.news/2023/12/02/pelajar-tingkatan-satu-ditahan-disyaki-cabul-14-pelajar-oku/>

MALAYSIATRIBUNE.COM

BIL

PERKARA

SUMBER

3 KANAK-KANAK 11 TAHUN JADI MANGSA SERANGAN SEKSUAL

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-jadi-mangsa-serangan-seksual-448488>

ASTROAWANI.COM

BIL

PERKARA

SUMBER

4 HARI KANAK-KANAK LAHAD DATU PLATFORM ERAT SILATURAHIM

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/02/hari-kanak-kanak-lahad-datu-platform-erat-silaturahim>

UTUSANBORNEO.COM.MY

<https://www.sabahgazette.com/hari-kanak-kanak-lahad-datu-platform-erat-silaturahim/>

SABAHGAZETTE.COM

BIL


PERKARA

SUMBER

5 SEDIAKAN PEMUDAHCARA UNTUK BANTU OKU MOHON BANTUAN

<https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/sediakan-pemudahcara-untuk-bantu-oku-mohon-bantuan-x8q5skn>

ASTROAWANI.COM



## Kanak-kanak 11 tahun jadi mangsa serangan seksual

Sinar Harian  
Disember 2, 2023 17:04 MYT



*Mangsa mendakwa seorang lelaki yang tidak dikenali dan menunggang sebuah motosikal serta memakai topi keledar berwarna kuning cuba mencium dan merabanya. - Gambar hiasan*

**MELAKA:** Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun dipercayai menjadi mangsa serangan seksual ketika dalam perjalanan pulang dari sebuah kedai runcit di Taman Krubong Jaya dekat sini Selasa lalu.

Mangsa yang merupakan murid sekolah rendah mendakwa seorang lelaki yang tidak dikenali dan menunggang sebuah motosikal serta memakai topi keledar berwarna kuning cuba mencium dan merabanya.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, sebelum kejadian, mangsa bersama sepupunya berusia tujuh tahun dalam perjalanan pulang ke rumah dari sebuah kedai runcit di Taman Krubong Jaya.

Menurut beliau, pengadu yang merupakan ibu mangsa berusia 35 tahun memaklumkan, mangsa menceritakan insiden terbabit pada hari sama kira-kira jam 7.41 malam.

Katanya, pengadu kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Tanjung Minyak pada jam 9.08 malam iaitu sehari selepas kejadian terbabit.

"Ketika mangsa menunggang basikal, sepupu mangsa telah di tolak hingga terjatuh daripada basikalnya oleh suspek.

"Suspek cuba mencium dan meraba kemaluan mangsa, namun mangsa sempat menendang lelaki tersebut dan terus melarikan diri," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Jelasnya, orang awam yang mengetahui kejadian itu kemudian menahan mangsa berusia 17 tahun yang merupakan pelajar Tingkatan Lima di sebuah taman permainan pada jam 11.30 malam.

"Suspek kemudian diserahkan kepada anggota Balai Polis Tanjung Minyak dan direman selama enam hari bermula Khamis lalu.

"Siasatan terhadap suspek masih dijalankan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017," ujarnya. - *Sinar Harian*

## Hari Kanak-Kanak Lahad Datu platform erat silaturahmi

© 2023-12-02T22:23:11+08:00



RASMI: Mizma (dua kiri), Shamsurezal ketika merasmikan sambutan Hari Kanak-Kanak berkenaan.

LAHAD DATU: Sambutan Hari Kanak-Kanak di daerah ini mampu mengeratkan hubungan silaturahmi antara keluarga kakitangan hospital dengan penduduk setempat.

Pengarah Hospital Lahad Datu Dr. Andi Shamsurezal Datuk Mohd Sainal berkata, banyak aktiviti menyeronokkan dan bermanfaat dilaksanakan pada sambutan kali ini.

Katanya, semua yang hadir dapat bersua kenal antara sama yang lain dan menjalankan aktiviti secara bersama.

"Sambutan itu memberi impak yang baik dan dapat mewujudkan hubungan keluarga kakitangan hospital dan masyarakat di daerah ini.

"Selain itu, ia bertujuan untuk meraikan kanak-kanak serta keluarga yang sedang berdepan dengan cabaran penyakit kronik di hospital ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media dalam majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat daerah Lahad Datu, di sini baru-baru ini.

Menurutnya, sambutan Hari Kanak-Kanak umumnya diraikan di seluruh dunia pada setiap 20 November setiap tahun.

Katanya, ia adalah hari istimewa bagi mempromosi dan memperjuangkan hak kanak-kanak di seluruh dunia tanpa terkecuali.

"Hal ini mengingatkan kita bahawa setiap mereka berhak untuk merasakan masa kanak-kanak yang gembira, selamat, sihat dan sesuai dengan zamannya.

"Tahun ini sambutan Hari Kanak-Kanak diraikan dengan tema 'Investing in Our Future Means Investing in Our Children,' katanya.


Justeru, Shamsurezal berkata, pihaknya mengambil inisiatif menganjurkan sambutan Hari Kanak-kanak peringkat daerah melalui Jabatan Pediatrik Hospital Lahad Datu.

Dalam pada itu, katanya, sambutan ini juga merupakan kesempatan bagi pihak Hospital Lahad Datu menghargai keluarga arwah Sharifah Khalilah iaitu seorang jururawat di Unit Neonatal Intensive Care (NICU).

"Beliau telah berkhidmat dan melayani komuniti di Lahad Datu dengan sangat cemerlang dan ia seharusnya dijadikan inspirasi kakitangan lain supaya memberi khidmat kepada masyarakat di daerah ini.

"Pemergian beliau secara tiba-tiba pada 28 Mei lepas sangat mengejutkan dan merupakan satu kehilangan besar bagi ahli keluarga Jabatan Pediatrik," katanya.

Terdahulu, sambutan Hari Kanak-kanak Daerah Lahad Datu bagi tahun ini telah dirasmikan oleh Ketua Bahagian Parti Gagasan Rakyat Sabah Bahagian Silam, Datuk Mizma Appehdullah.



## Sediakan pemudahcara untuk bantu OKU mohon bantuan

Sempera hari OKU sedunia yang akan disambut pada 3 Disember, Muhamad Asyraf berharap semua kementerian dan agensi memainkan peranan memperkasakan komuniti OKU.



TAJUK : APA IBU BAPA PERLU KETAHUI

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 DIS 2023

M/SURAT : 14

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## KES DERA KANAK-KANAK DI TASKA

# APA IBU BAPA PERLU KETAHUI

Isu penderaan bayi dan kanak-kanak di taska menjadi topik perbualan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Satu demi satu kejadian menyayat hati dipaparkan media tempatan, mengundang pelbagai reaksi mengenai apakah tindakan yang boleh diambil bagi memberi pembelaan sewajarnya kepada keluarga mangsa.

Pengarah Advokasi Khidmat Guam, MAHMUD JUMAAT mengupas aspek perundangan serta langkah awal untuk memastikan tiada siapa yang teraniaya.


Pandangan itu dikongsi bersama wartawan LYDIA SAIFUL untuk Kafe Ahad minggu ini.

**Adakah ibu bapa boleh membawa perkara ini ke muka pengadilan dan apakah gerak kerja yang perlu dijalankan?**

Sebelum kita berbingang tentang hak untuk kita mengambil tuntutan kepada pihak taska atau pengasuh, kita perlu mengetahui tanggungjawab kita sebagai ibu bapa terlebih dahulu. Pertama kita perlu buat *due diligence* ke atas taska berkenaan, ia penting bagi memastikan ia berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ia dapat memantau sama ada mereka mengikuti semua piawaian dan peraturan yang ditetapkan JKJ. Antaranya tempat itu adalah sesuai, kondusif dan selamat yang mana mereka akan lihat ada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berfungsi atau tidak.

Yang kedua, memastikan pengasuh yang menjaga anak-anak kita ini mempunyai pengalaman atau kemahiran yang cukup menjaga kanak-kanak, contohnya sekiranya berlaku apa-apa tragedi atau kemalangan, mereka akan tahu apa yang ingin dibuat contohnya bantuan kecemasan kepada kanak-kanak.

Yang ketiga, mereka pastikan tempat yang ada bucu ataupun penghadang di tangga, yang dimaklumkan di dalam peraturan taman asuhan ditetapkan. Sekiranya semua ini dipatuhi, ibu bapa boleh mengambil tindakan seterusnya



dengan mungkin lantik peguam untuk memudahkan cara dan melicinkan proses tuntutan di mahkamah sivil ataupun membuat laporan polis untuk tindakan jenayah pengasuh atau pemilik taska.

**Bagaimana ibu bapa boleh mengambil tindakan yang betul berlandaskan undang-undang?**

Apabila berlaku suatu musibah kepada keluarga kebanyakan keluarga bukan tak nak ambil tindakan, tetapi mereka tiada bukti yang cukup. Kalau dia buat laporan polis apabila buat siasatan, hanya sekadar siasatan tanpa bukti yang cukup untuk mendakwa pihak yang bersalah. Itu sebab jangan menghantar anak kita ke taska sekadar tangkap muat kerana kita kluatir apabila berlaku seperti mana yang berlaku kepada mangsa sebelum ini mereka tidak mampu membuat apa-apa.

Pertama kita dah buat *due diligence* kita dah tengok taska berkenaan. Sesetengah pihak dia tidak tahu sama ada taska itu berdaftar ataupun tidak. Ada sesetengah pihak bertanya kepada pemilik

taska mereka kata taska ini berdaftar.

Jadikn ia sebagai bahan bertulis. Dalam WhatsApp pun dah memadai. Dalam mahkamah, WhatsApp adalah memadai untuk dijadikan sebagai satu bukti untuk menyokong keterangan kita.

Kedua, apa saja perbualan kita lepas kita dah buat *due diligence* kita simpan dalam bentuk bertulis, contohnya kita dah pergi periksa CCTV, tempat ini selamat. Nisbah kanak-kanak pula, seorang pengasuh tiga orang bayi. Itu adalah standard yang ditetapkan di bawah JKJ. Kita tentukan CCTV

bukan sekadar *dummy* saja ia betul-betul beroperasi dan kalau boleh kita minta juga akses sebab di luar negara kita boleh akses CCTV.

**Apakah akses seperti itu dipraktikkan di negara kita?**

Di Malaysia kita boleh mula untuk menetapkan peraturan ini. Pernah berlaku kes di mana saya sendiri kendalikan, berlaku kematian di dalam taska itu dan penderaan, tetapi benda itu tidak didedahkan dan mereka tiada cukup bukti.

Perbualan perlu disimpan rekodnya sekiranya berlaku apa apa, waktu mereka menghubungi kita, maklumkan kejadian, cepat-cepat tutup telefon dan rekod. Ini sangat penting sebab itu adalah informasi yang diberikan benar-benar berlaku tanpa dipengaruhi pihak ketiga yang cuba untuk berselindung atau menutupi apa apa perkara yang memihak kepada taska. Bila kumpul semua bukti itu, cuba dapatkan rakaman CCTV selalunya apabila perkara itu berlaku kita mudah untuk berbingang dengan taska, minta rakaman CCTV itu.

Boleh cuba berkomunikasi dengan kanak-kanak sekiranya dapat infomasi daripada mereka dan rekodkan. Kemudian cuba berbingang dengan keluarga lain, sebab sesetengah taska ada kumpulan WhatsApp. Tanya sama ada anak-anak yang lain normal atau ada masalah juga. Kadang kadang mereka sendiri bagi kerjasama.

Apabila bukti-bukti ini dikumpul, mudah untuk peguam mengambil tindakan dan mudah untuk polis membuat siasatan serta mengambil tindakan seterusnya.

Pada pandangan saudara, apakah hukuman kepada mereka yang melakukan penderaan fizikal tidak mencukupi?

Kalau kita lihat, baru-baru ini, mahkamah mengenakan satu hukuman yang sangat keras ke atas pesalah yang terbahit dalam kes penganiayaan, penderaan dan juga pengabaian. Baru-baru ini ada satu kes di Johor dikenakan hukuman enam tahun bagi pengabaian dan enam tahun bagi penganiayaan.

Baru-baru ini kes anak syurga yang mana dalam kes Siti Bainun juga dikenakan hukuman 12 tahun penjara bagi penganiayaan, 10 tahun bagi pengabaian.

Bagi saya jelas mahkamah memandang serius dan tidak berkompromi dari segi apa juga alasan, mereka akan dikenakan hukuman keras namun akta kanak-kanak juga menetapkan beberapa hukuman dikenakan ke atas pesalah dan mereka harus direkodkan.

**Apakah ada taska yang tidak memberikan kerjasama kepada pihak berwajib?**


Itu isu dibangkitkan dan saya sangat setuju yang saya nampak yang lebih serius. Baru-baru ini ada satu kes di Seremban yang mana pengasuh tuduh dan disabitkan kesalahan juga disebabkan kematian hanya tujuh hari penjara dan RM15,000 denda dikenakan namun Alhamdulillah saya dimaklumkan pihak pendakwaan juga membuat rayuan sebab ini kematian kanak-kanak.

Tapi yang kita terlepas pandang adalah saya rasakan kita bukan hanya menghukum pihak pengasuh saja, yang perlu bertanggungjawab adalah pemilik taska juga. Mana-mana pemilik taska yang melanggar undang-undang atau peraturan yang ditetapkan di bawah akta, mereka tidak hanya dikenakan denda semata-mata.

Kemudian saya lihat sekiranya berlaku kes penderaan dan kematian taska terbahit hanya disita dan pemilik taska hanya dikenakan denda saja. Bagi saya perlu juga diberikan tindakan keras kepada pemilik taska supaya menjadi pengajaran kepada yang lain tidak ambil mudah dan ambil ringan kes-kes seperti ini.



MAHMUD



TAJUK : IBU TINGGAL ANAK DI LANTAI SIMEN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



BAYI perempuan, Nur Hawra Zinnirah yang ditinggalkan di sebuah rumah di Batu 22 1/5, Kampung Pasir Tuntong pada 24 September lalu.

## Ibu tinggal anak di lantai simen

**Kuala Selangor:** Baru dilahirkan namun sudah ditimpa nasib malang apabila seorang bayi ditinggalkan ibu kandung di atas lantai simen sebuah rumah dalam pembinaan.

Bayi malang diberi nama Nur Hawra Zinnirah bagaimanapun kini di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sementara usaha menjajaki keluarganya dilakukan.

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Daerah Kuala Selangor, Intan Shafika Shaidan berkata, bayi berusia dua bulan itu ditinggalkan di Batu 22 1/5, Kampung Pasir Tuntong di sini pada 24 September lalu.

"Kami memerlukan ibu kandung kepada kanak-kanak ini bagi tujuan pemeliharaan dan penempatan bayi terbabit.

"Oleh itu, satu perintah interim penjagaan dikeluarkan mahkamah bagi membolehkan bayi itu di-




*Kami berharap keluarga atau waris yang mengetahui keberadaan ibu kandung bayi ini menghubungi Unit Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor di talian 03-328791495 dengan kadar segera"*

**Intan Shafika Shaidan**

tempatkan di rumah jagaan JKJ pada 3 November lalu," katanya.

Intan Shafika berkata, kes itu akan disebut semula pada 20 Disember ini.

"Kami berharap keluarga atau waris yang mengetahui keberadaan ibu kandung bayi ini menghubungi Unit Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor di talian 03-328791495 dengan kadar segera," katanya.



TAJUK : KEKASIH DITAHAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 3 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## SUSULAN PELAJAR TINGKATAN DUA BUANG BAYI DALAM SEMAK

# KEKASIH DITAHAN

Oleh Melvin Joni  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Kuching

Polis turut menahan seorang remaja lelaki dipercayai kekasih pelajar perempuan tingkatan dua yang membuang bayinya dalam semak di kawasan perumahan di Bandar Baru Samariang di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuching Asisten Komisioner Ahsmon Bajah berkata,

suspek berusia 18 tahun ditahan di daerah ini jam 11.05 pagi.

“Suspek akan disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan,” katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan pelajar perempuan itu ditahan jam 8 malam Rabu lalu selepas dipercayai membuang bayi yang baru di-

lahirkannya.

Gadis berkenaan ditahan untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Bayi terbabit dibawa ke Hospital Umum Sarawak untuk pemeriksaan dan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut.

Terdahulu, video pene-

muan bayi berkenaan turut tular di media sosial yang menunjukkan bayi itu masih hidup dan bertali pusat.

Difahamkan, bayi berkenaan ditemukan di dalam beg plastik selepas penduduk mendengar tangisan-nya.

Seorang wanita kelihatan memegang dan membawa bayi itu ke sebuah kedai makan berhampiran dengan orang ramai yang prihatin membantu membersihkannya.

**“Suspek berusia 18 tahun ditahan di daerah ini jam 11.05 pagi”**



TAJUK :	TEEN HELD OVER MOLEST ATTEMPT ON PUPIL		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	NEW SUNDAY TIMES
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	12
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

NABBED BY PUBLIC

# TEEN HELD OVER MOLEST ATTEMPT ON PUPIL

11-year-old was attacked while riding her bicycle in a residential area

MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD  
**MELAKA**  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**A** 17-YEAR-OLD allegedly attacked and attempted to molest a Year Five female pupil while she was playing with her 7-year-old cousin in an residential area alley.

The suspect knocked down the girl from her bicycle before attempting to molest her around 7.40pm in Krubong, here, last

Wednesday.

Melaka police chief Datuk Zainol Samah said the victim's mother lodged a report at the Tanjung Minyak police station on Nov 29 at 9.08pm.

"Based on the report, a 35-year-old housewife said her 11-year-old daughter and (the girl's) 7-year-old cousin told her that an unknown man knocked them off their bicycles in the alley.

"The suspect, wearing a yellow helmet, then pulled the victim's

leg and attempted to kiss and touch her private parts.

"In the distressing situation, the victim managed to kick the youth and save herself," he told *Harian Metro* yesterday.

Zainol said members of the public apprehended the Form Five student and contacted the police.

He said the suspect was later arrested by personnel from the Tanjung Minyak police station.

The case is classified under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

"The suspect is remanded for six days from Nov 30 to allow the police to complete the investigation papers," Zainol added.



TAJUK :	TEEN ARRESTED AFTER ATTEMPTING TO MOLEST 11-YEAR-OLD GIRL		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	SUNDAY STAR
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	11
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Teen arrested after attempting to molest 11-year-old girl

**MELAKA:** A Form Five student who attacked and attempted to molest an 11-year-old girl after watching pornography has been arrested by Melaka police.

Melaka police chief Deputy Comm Datuk Zainol Samah said the 17-year-old suspect was detained at a playground at Alor

Gajah here on Wednesday.

He said the suspect tried to molest the Year Five pupil while she was playing with her seven-year-old cousin in a back alley at Taman Krubong Jaya at about 7.40pm.

DCP Zainol said the victim's 35-year-old mother lodged a police

report at the Tanjung Minyak police station on the incident.

Based on the report, the victim and her cousin said that a stranger had knocked them off their bicycles while they were riding along the alley.

"The suspect then attempted to sexually assault her, but the victim

fended off the attack by kicking him," he said.


DCP Zainol said the suspect was apprehended by members of the public who then called the police.

He said a team from Tanjung Minyak police station took custody of the suspect who will be investigated under Section 14(a) of the

Sexual Offences Against Children Act 2017.

DCP Zainol added that the suspect has been remanded until Dec 5.

It is learnt that the suspect had apparently watched obscene materials on his mobile phone before the assault took place.



TAJUK : MINISTER COMMENDS SIBU'S AGAPE CENTRE FOR PROVIDING FACILITIES TO SPECIAL NEEDS TRAINEES  
HARI : AHAD AKHBAR : THE SUNDAY POST  
TARIKH : 3 DIS 2023 M/SURAT : 04  
TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

## Minister commends Sibu's Agape Centre for providing facilities to special needs trainees

**SIBU:** The Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah lauds the role played by Sibu's Agape Centre in providing facilities and training to individuals with special needs in the central region of the state.

She hails the centre as a good model to be implemented in other similar facilities, such as the Community-Based Rehabilitation Centre (PPDK) in Kuching and Miri.

"The Agape Centre is a good example of what non-governmental organisations (NGOs) are doing in providing training and facilities to people with special needs, such as access to therapies and diagnoses.

"The government saw the excellent model demonstrated by the centre and wanted to implement it elsewhere to help parents who have children with special needs," she said during a press conference held at the Agape Centre, after holding the Sarawak Special Olympics annual general meeting (AGM) here yesterday.

Fatimah also said Sibu Agape Centre had helped in making the public more aware of individuals with special needs, such as those categorised as autistic, dyslexic, or speech-delayed.

"At the same time, the public, especially parents, have a place where they can get help or have access to early intervention.

"Our advice to parents is to bring their children for assessment early.

"As parents and members of society, we need to support these parents and children.

"We want to provide access



(From right) Dr Toh and Soon accompany Fatimah to the café at Sibu Agape Centre, where the staff members are the in-house trainees.

to parents who have children with special needs so that they feel that there is a support system for their children.

"It is not easy to raise children with special needs.

"We don't just make sure these children get early intervention, therapy, education, and vocational training; we also need to give support to the parents, who at times may need counselling," she said.

Fatimah acknowledged the Agape Centre as playing a role in empowering individuals with special needs with skills that would help them live independently.

"We know each of these individuals has potential in a certain field, and it is up to us to explore and develop their strengths.

"Such opportunity is provided at the Agape Centre. We see that they (trainees) can be independent and generate their own income.

"This is what we want for this special group – for them to be able to live with dignity," she said.


Talking about PPDK, Fatimah said the government had approved RM5 million under the 12th Malaysia Plan (12MP) for the initial construction of the community

centre in the Kuching-Samarahan area.

"The government has agreed for us to utilise a land at the Samarahan Rehabilitation Centre.

"In this complex, all the necessities meant for any individual with special needs would be provided," she said, adding that the project value would be RM55 million.

Also present yesterday were Special Olympics Sarawak vice-president Pemanca Datuk Jason Tai, Methodist Care Centre chairman Soon Kong Tiong, and Special Olympics clinical director Dr Toh Teck Hock.



TAJUK : NEVER STOP PURSUING KNOWLEDGE, MINISTER CALLS IN PRESCHOOL EDUCATORS

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 3 DIS 2023

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Never stop pursuing knowledge, minister calls on preschool educators

**MIRI:** Kindergarten and nursery teachers are encouraged to attend courses so as to improve their teaching methods, says Minister of Transport Sarawak Dato Sri Lee Kim Shin.

According to him, the handling of children at the kindergartens or nurseries is different from those already in primary and secondary schools.

"Therefore, I recommend the kindergarten and nursery operators to arrange for the teachers to attend more relevant training and courses to further improve their skills in educating our young children.

"In addition, conferences can also be held by inviting experts in the field of early childhood



Lee leads the cake-cutting ceremony to mark the association's 20th anniversary celebration.

education to share their opinions and knowledge with the teachers.

"This is also one of the efforts to improve the quality of our kindergartens and nurseries," said the Senadin assemblyman in his opening speech for the 20th anniversary celebration

of Persatuan Pengusaha Tadika/Taska Miri on Friday, where Deputy Minister I for Tourism, Creative Industries and Performing Arts Sarawak Datuk Sebastian Ting, Pujut assemblyman Mayor Adam Yii, Persatuan Pengusaha Tadika Taska Miri chairwoman Shim

Siew Fong and its vice-chairman Goh Miaw Ing were also present.

On the association, Lee praised the committee for the effort in giving exposure to the members and arranging for them to go for educational visits to places as far as Taiwan.


"There are numerous achievements that the association have achieved over the past 20 years.

"In addition, many courses and training programmes have been also held for the teachers.

"These are wonderful efforts and should be continued according to current learning or education expectations," he said.

Lee said he would continue to provide support to the association, including through allocation.

At the event, the state minister announced an allocation of RM10,000 for the association to carry out its activities meant for the benefit of its members, as well as the local community.



TAJUK :	YOUTH ARRESTED IN CONNECTION WITH CASE OF ABANDONED BABY GIRL IN BANDAR BARU SEMARIANG		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Youth arrested in connection with case of abandoned baby girl in Bandar Baru Semariang

**KUCHING:** An 18-year-old youth has been arrested in connection with the case of an abandoned newborn baby girl discovered in Bandar Baru Semariang on Wednesday.

In a statement yesterday, Kuching District police chief ACP Ahsmon Bajah said the suspect was arrested at 11.05am on Friday.


“The case is being investigated under Section 376 of the Penal Code.

“The youth is believed to be

the partner of a 14-year-old girl, who was also arrested in connection with the same case on Wednesday night,” said Ahsmon.

The baby, discovered with her umbilical cord still attached, was rescued by residents from what appeared to be an area within secondary jungle.

The baby was in good health when found, and was later sent to Sarawak General Hospital for further medical checks.



TAJUK :	CONTOHI PUSAT AGAPE SIBU MARTABAT GOLONGAN BERKEPERLUAN KHAS: FATIMAH		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Contohi Pusat Agape SibU martabat golongan berkeperluan khas: Fatimah



**BERI SOKONGAN:** Fatimah bersama kanak-kanak istimewa dan ibu bapa mereka di Pusat Agape SibU, semalam.

**SIBU:** Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah memuji peranan yang dimainkan oleh Pusat Agape SibU dalam menyediakan kemudahan dan latihan kepada golongan berkeperluan khas di kawasan tengah Sarawak.

Menurut Fatimah, Pusat Agape SibU telah menjadi model yang amat baik untuk diterap atau dilaksanakan di pusat komuniti serupa seperti di Special Need Community Center (SNCC) Kuching dan di Miri.

"Pusat Agape ini menjadi

contoh yang baik apa yang dilakukan oleh badan bukan kerajaan (NGO) dalam memberi latihan dan kemudahan kepada golongan berkeperluan khas di kawasan tengah seperti akses kepada terapi dan diagnosis di klinik yang disediakan.

"Sebelum ini, mereka yang dari Dalat, Matu dan Igan datang ke Pusat Agape SibU untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan.

"Kerajaan melihat kepada model amat baik yang ditunjukkan oleh Pusat Agape dan mahu melaksanakannya di

tempat lain.

"Ini supaya kemudahan ini dapat diakses oleh ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas," ujarnya pada sidang media di Pusat Agape SibU selepas mengadakan mesyuarat agung tahunan Special Olympics Sarawak, semalam.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat berkata, peranan yang dimainkan oleh Pusat Agape SibU juga telah memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai individu berkeperluan khas seperti individu yang

dikategorikan sebagai autistik, disleksia dan lambat bercakap.

"Pada masa sama, orang ramai terutama ibu bapa juga ada tempat di mana mereka boleh mendapat bantuan atau intervensi awal.

"Nasihat kita kepada ibu bapa agar membawa anak-anak mereka untuk mendapatkan penilaian dengan lebih awal.

"Sebagai ibu bapa dan ahli dalam masyarakat, kita perlu memberi sokongan kepada ibu bapa dan anak-anak istimewa ini," jelasnya.

**Utusan Borneo**

### Contohi Pusat Agape SibU martabat golongan berkeperluan khas

► Dari Muka 1

Beliau memberitahu, tidak mudah untuk membesarkan anak-anak yang mempunyai keperluan khas dan dengan adanya Pusat Agape ini akan menyediakan akses kepada ibu bapa yang ada anak-anak istimewa.

"Kita mahu sediakan akses kepada ibu bapa yang ada anak-anak istimewa agar mereka berkesan ada sistem sokongan kepada anak-anak mereka. Bukan mudah untuk besarkan anak-anak yang berkeperluan istimewa ini.

"Kita tidak hanya pastikan anak-anak ini mendapat intervensi awal, terapi, pendidikan dan latihan vokasional. Kita juga perlu memberi sokongan kepada ibu bapa di mana mereka juga kadang kala perlu diberi kaunseling," katanya.

Dalam pada itu ujar Fatimah, Pusat Agape SibU turut memainkan peranan memperkasakan individu berkeperluan khas dengan kemahiran yang akan membantu mereka untuk hidup berdikari.

"Apa yang penting adalah menyediakan mereka ini dengan kemahiran yang dapat membantu mereka untuk berdikari.

"Kita tahu setiap individu ini mempunyai potensi dalam bidang tertentu dan terpulang untuk kita menerokai dan membangunkan kekuatan mereka.

"Peluang ini perlu disediakan dan semua itu ada disediakan di Pusat Agape. Kita lihat mereka boleh berdikari dan menjana pendapatan sendiri.

"Ini yang kita mahu berlaku kepada golongan istimewa ini agar mereka dapat hidup bermaruah," jelas beliau.

Menyentuh mengenai SNCC, Fatimah berkata kerajaan telah meluluskan RM5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi kerja-kerja awal pembinaan pusat komuniti terbabit yang terletak di Samarahan, Kuching.

"Kerajaan telah setuju untuk kita menggunakan tanah di Pusat Pemulihan Samarahan, Kuching. Dikompleks ini akan disediakan semua keperluan yang diperlukan oleh setiap individu berkeperluan khas," katanya sambil menambah nilai skim projek itu ialah RM55 juta.



TAJUK :	GURU TADIKA, TASKA HARUS TINGKATKAN KEMAHIRAN MENGAJAR KANAK-KANAK: LEE		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Guru tadika, taska harus tingkatkan kemahiran mengajar kanak-kanak: Lee

**MIRI:** Guru tadika dan taska digesa mengikuti kursus untuk meningkatkan cara mengajar yang bersesuaian dengan kanak-kanak, kata Menteri Pengangkutan Dato Sri Lee Kim Shin.

Menurutnya, cara didikan atau asuhan untuk kanak-kanak di peringkat tadika atau taska berbeza dengan didikan di sekolah rendah dan menengah.

“Oleh itu, saya cadangkan para pengusaha tadika dan taska untuk menganjurkan latihan yang berkaitan kepada guru-guru mereka untuk meningkatkan kemahiran dalam mendidik kanak-kanak tersebut.

“Selain latihan atau kursus, satu persidangan juga boleh dilaksanakan dengan menjemput mereka yang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dari luar untuk berkongsi pendapat dan ilmu mereka.

“Ini juga antara usaha untuk meningkatkan mutu dan

perusahaan tadika dan taska masing-masing,” ujarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senadin itu berkata demikian pada majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Persatuan Pengusaha Tadika Taska Miri, malam kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting, ADUN Pujut merangkap Datuk Bandar Miri Adam Yii, Pengerusi Persatuan Tadika Taska Miri Shim Siew Fong dan Naib Pengerusi Persatuan Tadika Taska Miri Goh Miaw Ing.

Mengenai persatuan berkenaan, Lee memuji usaha yang telah diberikan kepada ahlinya dengan memberi pendedahan dan mengadakan lawatan pendidikan sehingga ke Taipei, Taiwan.

“Melalui video yang dipaparkan tadi pencapaian sepanjang 20 tahun persatuan bertapak di sini, banyak yang


telah mereka capai termasuk mengadakan lawatan pendidikan sehingga ke luar negara untuk memberi pendedahan kepada para guru.

“Selain itu, banyak kursus dan latihan diadakan untuk para guru. Usaha berkenaan adalah sangat baik dan perlu diteruskan mengikut arus pembelajaran atau pendidikan masa kini.

“Secara langsung, usaha yang dilaksanakan sedemikian turut membantu meningkatkan taraf tadika dan taska di sini,” katanya.

Tambah Lee, beliau akan terus memberikan sokongan kepada persatuan berkenaan dan sokongan terbabit bukan sekadar ungkapan sahaja, tetapi juga melalui sokongan peruntukan.

Pada majlis itu, Lee mengumumkan peruntukan berjumlah RM10,000 kepada persatuan bagi menganjurkan aktiviti untuk manfaat ahli serta masyarakat setempat.



TAJUK :	REMAJA LELAKI DITAHAN BERHUBUNG KES BUANG BAYI PEREMPUAN DI BBS		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	3 DIS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Remaja lelaki ditahan berhubung kes buang bayi perempuan di BBS

**KUCHING:** Seorang remaja lelaki diberkas berhubung kes penemuan bayi perempuan yang baru dilahirkan di kawasan semak di Bandar Baru Samariang (BBS), pada Rabu.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Ahsmon Bajah memberitahu, lelaki berusia 18 tahun itu diberkas oleh pasukan dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching sekitar jam 11.05 pagi kelmarin.

“Suspek merupakan juvana lelaki tempatan berumur 18 tahun iaitu pasangan kepada remaja perempuan,

14, yang telah melahirkan seorang bayi yang dijumpai di Samariang baru-baru ini,” katanya dalam kenyataan kelmarin.

Kes ini katanya, akan disiasat di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Terdahulu pada Rabu, penduduk di kawasan perumahan BBS telah menjumpai bayi perempuan yang ditinggalkan di kawasan semak.

Bayi tersebut yang masih bertali pusat kemudian diserahkan kepada pihak polis dan seterusnya dihantar ke Hosiptal Umum Sarawak untuk tindakan selanjutnya.

Menurut Ahsmon, remaja perempuan berusia 14 tahun, dipercayai ibu kepada bayi tersebut, ditahan pada hari yang sama untuk membantu siasatan.

Katanya, dia ditahan sekitar jam 8 malam oleh Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kuching.

Tambahnya, siasatan lanjut kes dijalankan di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

“Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali,” ujarnya.